



**SIARAN AKHBAR**  
**PROGRAM CELIK KEWANGAN BAGI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA**  
**26-27 Oktober 2016**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Brunei Association of Banks (BAB), dan Brunei Insurance and Takaful Association (BITA) telah menjalankan program celik kewangan bagi penuntut-penuntut Pusat Pembangunan Belia pada 26 hingga 27 Oktober 2016. Lebih daripada 25 penuntut dari kursus-kursus yang berlainan daripada Pusat tersebut termasuk Kursus Belia Berpadi dan Kursus Keusahawanan telah menyertai program tersebut .
2. Program tersebut bermula dengan pengenalan mengenai AMBD. yang memperkenalkan peranan AMBD sebagai sebuah bank pusat di Negara Brunei Darussalam kepada penuntut-penuntut berkenaan. . Penuntut-penuntut tersebut juga telah mempelajari mengenai fungsi-fungsi AMBD yang antaralainnya termasuk melesenkan dan mengawalselia institusi-institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam; mengeluarkan dan menguruskan matawang negara; dan memastikan kestabilan kewangan melalui dasar monetari.
3. Wakil daripada Unit Pengurusan Matawang AMBD juga telah membentangkan mengenai Perintah Matawang, 2004, khususnya mengenai cara-cara untuk menangani matawang kertas dan syiling. Penuntut-penuntut tersebut juga telah dimaklumkan bahawa ianya adalah satu kesalahan untuk mengeluarkan, menjual, mengelilingi atau mengedar barang atau produk yang mengandungi reka bentuk wang kertas atau syiling Negara Brunei Darussalam. Penuntut-penuntut juga diingatkan bahawa sebarang iklan yang menggunakan matawang samada wang kertas, polimer atau syiling hendaklah mendapatkan kebenaran daripada AMBD. Selain daripada itu, turut dijelaskan bahawa wang kertas/polimer yang rosak boleh ditukar di bank-bank tempatan, tertakluk kepada keadaan wang tersebut.
4. Taklimat mengenai “Jadilah Pintar Kewangan” dan “Hindari Penipuan Kewangan” telah disampaikan oleh wakil-wakil daripada Unit Isu Pengguna Kewangan, AMBD. Beberapa aktiviti interaktif telah dijalankan dengan tujuan untuk melengkapkan penuntut-penuntut dengan kemahiran untuk mengurus dan merancang kewangan dengan bijak, dan untuk mengenalpasti ciri-ciri penipuan kewangan. Antara pengajaran-pengajaran yang diperolehi daripada sesi tersebut adalah termasuk menggubal dan mencapai matlamat kewangan; merangka bajet dengan efektif; mengurus hutang secara bijak; pentingnya mempunyai dana kecemasan dan berbelanja dengan berhemat. Penuntut-penuntut tersebut juga telah ikut serta dalam permainan “My Life”, yang mana telah mengajar penuntut-penuntut untuk membuat pilihan kewangan yang bijak apabila menghadapi situasi kehidupan yang signifikan.

5. Selain daripada AMBD, beberapa institusi dari industri kewangan juga telah ikut serta di dalam program tersebut yang mana mereka telah mengongsikan produk-produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan. TAP telah memberikan taklimat mengenai skim-skim persaraan yang mereka tawarkan, termasuk TAP, Supplemental Contributory Pensions (SCP), dan juga mengenai Skim Tabung Perumahan. Dari industri insurans dan takaful pula, Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd dan Insurans Islam TAIB Sdn Bhd telah membincangkan mengenai pentingnya untuk melindungi diri dan yang tersayang melalui takaful. Baiduri Bank dan BIBD juga telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif mereka untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME), termasuk Merchant Suite dari Baiduri Bank, dan SME 360 dari BIBD. Taklimat-taklimat tersebut amatlah bermanfaat terutama bagi bakal-bakal usahawan yang hadir.
6. Program ini adalah salah satu inisiatif AMBD untuk meningkatkan celik kewangan dan kesedaran kewangan orang ramai. AMBD, dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan, telah menjalankan beberapa inisiatif celik kewangan, termasuk jerayawara ke Kementerian-Kementerian dan sekolah-sekolah dan akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini sebagai usaha untuk meningkatkan lagi celik kewangan bagi orang ramai.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 4 Safar 1438H / 4 November 2016M

Ref: AMBD/COMMS/2016/3